

Sumber: BERITA HARIAN

38 O AGAMA

© RABU 10 SEPTEMBER 2014

BH

Tempoh had mafqud ikut situasi

Ibu 10 anak ditinggal suami tidak wajar dibebankan masa empat tahun untuk bubar perkahwinan

ABDUL HALIM BAHARI

Mafqud ialah perkataan Arab yang membawa maksud hilang atau tiada. Imam Syafie mendefinisikan mafqud ialah seseorang yang tidak didengari baginya sebutan.

Dalam kitab lebih kontemporari, Al-Fiqhul Manhaj karangan Dr Mustaffa al-Khan, Dr Mustafa al-Bugha dan Ali al-Syarbaji menyebut al-mafqud ialah orang yang hilang dari tempat asalnya dalam tempoh lama sehingga terputus berita mengesainya dan tidak ada orang yang mengetahui mengesainya.

Tidak diketahui juga sama ada dia masih hidup atau telah meninggal dunia. Jelaslah di sini mereka yang tidak dijumpai kerana hilang, meninggal, ditawan musuh (dalam waktu peperangan) dan gagal ditemui sesudah usaha tuntas dijalankan bolehlah dikategorikan sebagai mafqud.




Tempoh orang mafqud
Menjadi persoalan ialah tempoh boleh dikategorikan seseorang itu mafqud? Ulama Islam pelbagai mazhab memberikan pendapat mereka sesuai dengan keadaan zaman itu. Mazhab al-Hanafiah berpandangan perlu melihat umur maksimum yang biasa bagi seseorang pada zaman itu iaitu 120 tahun dari tarikh lahirnya.

Ada yang menyatakan 100, 90, 70 atau 60 tahun. Bahkan sebahagian ulama menyatakan hendaklah dengan melihat kepada umur kematian rakan-rakannya seperti disebut oleh al-Sarakhsi dalam karyanya al-Mabsut.

Terdapat juga pendapat fuqaha mazhab al-Malikiah yang telah menyatakan hendaklah dengan melihat kepada umur kematian rakan-rakannya seperti disebut oleh al-Sarakhsi dalam karyanya al-Mabsut.

Terdapat juga pendapat fuqaha mazhab al-Malikiah yang telah menyatakan hendaklah dengan melihat kepada umur kematian rakan-rakannya seperti disebut oleh al-Sarakhsi dalam karyanya al-Mabsut.



Pasangan hilang tidak pasti hidup atau mati selepas empat tahun boleh bubar perkahwinan. (GAMBAR HIASAN)

hingga setahun) dan dalam peperangan antara orang Islam dengan kafir (iaitu setahun).

Seksyen 53 (1) Akta Undang-Undang Keluarga Islam Wilayah-Wilayah Persekutuan memperuntukkan undang-undang menyentuh isu almafqud. Seksyen itu juga dilihat sama dengan peruntukan negeri lain yang menetapkan tempoh empat tahun seorang isteri kehilangan suami untuk membubarkan perkahwinan.

Mengikut seksyen berkenaan jika suami itu dipercayai telah mati atau tidak diketahui khabar berita selama empat tahun dan lebih, suami itu dianggap sudah mati mengikut hukum syarak. Mengikut seksyen 52, isteri boleh membuat permohonan pembubaran perkahwinan atau fasakh dan selepas siasatan yang wajar maka mahkamah boleh mengeluarkan perakuan bahawa suami itu telah mati.

Mengambil sikap berlapang dada dan

menghormati pandangan semua ulama, tempoh masa yang diberikan sama ada melalui kalam ulama fiqh mahupun undang-undang sedia ada, tidak boleh tidak pendapat itu mesti memenuhi lima keperluan asas manusia iaitu menjaga agama, nyawa, akal, harta dan nasab.

Tempoh empat tahun yang dinyatakan bukanlah sesuatu yang qat'ie (putus) seperti perintah solat, zakat atau haji dalam Fiqh Islami. Jika hanya pendapat ini digunakan tanpa melihat persoalan lebih mikro yang pasti berbeza antara individu, kemungkinan besar akan menimbulkan kesusahan kepada keluarga ditimpa bencana.

Bayangkan isteri yang mempunyai 10 anak pastinya memerlukan sokongan dan bantuan suami. Jika tempoh empat tahun yang ditetapkan diaplikasikan secara pukal, nasib isteri ini pasti akan terbeban setidak-tidaknya untuk tempoh empat tahun.

Diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya agama itu mudah. Tidak ada manusia yang berlebihan lebih di dalam agama, melainkan agama akan mengalahkannya. Bersederhanalah, dekatilah (berusaha untuk melakukan sesuatu yang mungkin, beriklanlah berita gembira dan mintalah bantuan dengan cara beribadat di waktu siang dan malam."

Roh dan semangat hadis ini harus juga diambil kira dalam sebarang hukum yang diputuskan supaya keadilan itu bukan sahaja dilaksanakan malah mampu dizahirkan. Ini bertepatan fatwa yang telah diputuskan oleh majlis fatwa kebangsaan.

Tiada had tempoh bagi kes pesawat MH370

Melihat kepada tragedi yang menggemparkan iaitu kehilangan pesawat MH370 yang menggemparkan negara, muzakarah memutuskan keadaan mafqud dalam tragedi itu tidak memerlukan kadar tempoh tertentu kerana usaha pencarian telah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

Walaupun dalam keadaan lautan yang amat mencabar serta qarinah yang boleh diambil kira sebelum dan selepas pengumuman kerajaan bahawa pesawat MH370 berakhir di tengah-tengah Lautan Hindi, telah melalui tempoh munasabah bagi mafqud yang boleh diputuskan oleh Ulil Amri.

Justeru, undang-undang sedia ada dan sebarang pendapat fiqh harus dilihat dengan teliti serta dikaji berdasarkan kes dan masalah semasa supaya keluarga mangsa diberikan peluang sewajarnya tanpa terikat dengan pendapat yang barangkali boleh menyusahkan kita.

Penulis ialah Exco Persatuan Peguam Muslim Malaysia